

# Kebakaran terbukaancam alam

## SAUDARA PENGARANG,

**BARU-BARU** ini kita dikejutkan dengan berita kebakaran hutan hujan di Amazon, Brazil. Di Malaysia, hutan kita di Sarawak dan Iskandar Puteri, Johor turut terbakar. Antara sebab pembakaran hutan ini berlaku adalah bagi tujuan pembersihan tanah sebelum aktiviti pertanian dijalankan.

Industri sawit di Malaysia telah mengamalkan polisi *zero burning* untuk memastikan kelestarian alam, namun perkara berbeza bagi industri padi kita. Amalan membakar jerami masih dilakukan bagi memudahkan kerja petani. Pembakaran terbuka yang disebabkan oleh aktiviti pertanian berpunca daripada beberapa faktor antaranya jalan mudah bagi penyediaan kawasan sebelum penanaman baharu dan di kebanyakan kawasan jelapang padi, amalan membakar jerami masih dilakukan.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengawal penyakit, serangga perosak serta

pengurusan sisa selepas tanaman dituai. Sebenarnya, jerami padi boleh dijadikan makanan haiwan, baja kompos dan *biochar*. Jadi tidak perlu dibakar begitu sahaja. Kompos dan *biochar* boleh digunakan semula dalam aktiviti pertanian sebagai sumber nutrien.

Bahkan paling mudah jerami boleh sahaja dijadikan teduhan bagi memelihara kelembapan tanah. Oleh yang demikian pembakaran jerami di jelapang-

jelapang padi mungkin boleh dikurangkan atau dihentikan terus menerusi inisiatif tersebut. Pemanasan global mungkin berlaku secara semula jadi, tetapi aktiviti manusia merupakan penyumbang utama kepada fenomena tersebut.

**DR. ADIBAH MOHD. AMIN**  
Fakulti Pertanian, Universiti Putra  
Malaysia (UPM)



**ANTARA** sebab pembakaran hutan berlaku di negara ini adalah bagi tujuan pembersihan tanah sebelum aktiviti pertanian dijalankan. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN